

Jabatan Laut diminta kemas kini peraturan melabuh di jeti

JOHOR BAHRU 27 Sept. – Jabatan Laut diminta mengemas kini peraturan berhubung melabuh di jeti di seluruh negara bagi mengelak sebarang kemalangan maritim pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, langkah itu perlu diambil memandangkan banyak kapal yang didapati gagal berlabuh mengikut peraturan konvensyen Antarabangsa sehingga menyebabkan kemalangan.

‘Bagi kapal yang beratnya melebihi 500 tan ke atas wajib mematuhi peraturan antarabangsa termasuk berkaitan melabuh. Bagaimanapun, saya dapat masih banyak kapal yang gagal mematuhi peraturan itu,’ katanya ketika dihubungi di sini.

Mengulas kejadian tongkang pasir yang hanyut dan melanggar Jambatan Batu Pahat, dekat sini pagi tadi, Ab. Aziz berkata, ia berpunca daripada kegagalan melabuh mengikut peraturan.

“Sebab ia tidak mengikut peraturan berlabuh, ia mudah terlepas dan hanyut. Tongkang pasir yang berat nya melebihi 1,000 tan itu, hanya dilabuhkan di pokok nipah sehingga hanyut sejauh lima kilometer,” katanya.

Dalam kejadian 7.30 pagi itu, pengguna jambatan tersebut dikejutkan dengan gegaran apabila ia dilanggar tongkang pasir yang dihanyutkan itu. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan.

Terdahulu, Ab. Aziz yang juga Ahli Parlimen Sri Gading melawat tempat kejadian yang turut disertai kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Laut.

Ab. Aziz berkata, Jabatan Laut telah mengenal pasti pemilik tongkang pasir itu dan akan mendakwa pemilik yang merupakan warga tempatan yang didapati cuai sehingga menyebabkan tongkang pasirnya hanyut.

Berhubung Jambatan Batu Pahat, Ab. Aziz berkata, hasil pemeriksaan JKR, ia disahkan selamat untuk dilalui.

Bagaimanapun, laluan motosikal ke arah Muar akan ditutup sehingga selesai kerja pembaikan memandangkan kebanyakkan kerosakan akibat pelnggaran tongkang pasir itu berlaku di laluan berkenaan. - Bernama
